

01/02/2001

Kronologi mengenai Putrajaya dan Kuala Lumpur

PUTRAJAYA

Pertengahan 1980-an: Idea untuk mewujudkan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang pertama di luar dari Kuala Lumpur dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beberapa tapak dikenal pasti dan lima tapak disenaraikan.

2 Jun 1993: Kabinet meluluskan Prang Besar di Sepang sebagai tapak bagi pembangunan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

Disember 1993: Kerajaan melantik enam perunding tempatan bersama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Kerja Raya untuk menyiapkan pelan pembangunan bagi pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

22 Februari 1994: Kabinet meluluskan pelan induk pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

12 Oktober 1994: Kabinet memutuskan untuk mengubah nama Prang Besar kepada Putrajaya sebagai menghormati Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

20 Julai 1995: Satu perjanjian dicapai untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih mana-mana fungsi kerajaan negeri Selangor berhubung Putrajaya, termasuk menubuhkan sebuah badan untuk mentadbir dan menguruskan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

19 Oktober 1995: Putrajaya Holdings Sdn Bhd secara rasminya diperbadankan. Syarikat itu akan bertindak sebagai pemaju dan pembiaya projek berkenaan.

1 Mac 1996: Perbadanan Putrajaya diwujudkan oleh sebuah Akta Parlimen. Badan itu diberi kuasa menjalankan semua keputusan eksekutif berkaitan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan untuk bertindak sebagai pihak berkuasa tempatan selepas projek pembinaan siap.

10 September 1996: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan upacara pecah tanah bagi Precinct Kerajaan Putrajaya.

Oktober 1997: Putrajaya dilancarkan dengan rasminya sebagai sebuah bandar raya oleh Dr Mahathir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

31 Mei 1999: Bahagian Keselamatan Negara dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), kedua-duanya di bawah Jabatan Perdana Menteri, mencipta sejarah bagi Putrajaya kerana menjadi pejabat kerajaan pertama melakukan operasi di Kompleks Pejabat Perdana Menteri.

1 Jun 1999: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali memulakan tugas di pejabatnya di Kompleks Perdana Menteri.

18 Jun 1999: Kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat Jumaat pertama di Masjid Putra yang memuatkan 15,000 jemaah.

21 Jun 1999: Dr Mahathir secara rasminya memulakan tugas di pejabat barunya di Putrajaya.

23 Jun 1999: Mesyuarat Kabinet pertama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya diadakan dengan dipengerusikan Perdana Menteri.

6 Julai 1999: Masjid Putra, Taman Wetland dan Dataran Putra dibuka untuk lawatan orang ramai dari jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari.

13 Julai 1999: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah berkenan berangkat melawat Putrajaya.

19 Oktober 2000: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa Kabinet dalam mesyuaratnya bersetuju menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

23 Oktober 2000: Dr Mahathir mengesahkan cadangan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, tidak membabitkan Cyberjaya dan Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

7 November 2000: Yang di-Pertuan Agong Sultan SALahuddin Abdul Aziz Shah mewakili Kerajaan Persekutuan dan Pemangku Raja Selangor, Raja Idris Shah mewakili kerajaan Selangor menandatangani surat perjanjian menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan. Majlis pemetaraan perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mewakili Kerajaan Persekutuan dan Menteri Besar, Datuk Dr Mohd Khir Toyo untuk kerajaan Selangor.

12 Disember 200: Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 200 bagi penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dikemukakan di Dewan Rakyat dan diluluskan.